

“Penduduk enggan membuat pengasingan kerana mereka tidak mahu mengeluarkan kos tambahan untuk membeli plastik yang berbeza warna bagi membuat pengasingan sampah,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), hanya 10 peratus daripada 1.25 juta kediaman di negeri yang tertakluk bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 melaksanakan pengasingan sisa pepejal.

“Negeri yang tertakluk kepada akta ini iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Perlis, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Johor dilihat masih gagal melaksanakan pengasingan sisa pepejal secara berkesan.

“Malah, walaupun akta ini memperuntuk denda maksimum sehingga RM,1000, impaknya masih rendah,” katanya.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, pelaksanaan program pengasingan dijangka akan memberi penjimatan kos pelupusan sampah antara 10 hingga 20 peratus kepada setiap pihak berkuasa tempatan.